

26 JUN 1996

Pairin-Penjelasan

PAIRIN MEMPERTAHANKAN TINDAKANNYA MELULUSKAN TANAH

KOTA KINABALU, 26 Jun (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan hari ini mempertahankan tindakannya meluluskan tanah seluas 57,000 hektar kepada sebuah syarikat dari Sarawak, tiga tahun lepas dengan berkata ia tidak diberi percuma seperti yang didakwa.

Beliau berkata, tanah itu sebenarnya tanah rizab yang belum di balak dan bukan tanah negeri.

"Oleh kerana tanah rizab, tiada geran dikeluarkan maka tiada premium yang dikenakan pada tanah itu. Oleh itu persoalan ia dihadiahkan dengan percuma tidak timbul," kata beliau dalam satu kenyataan di sini bagi menafikan dakwaan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee.

Yong dalam persidangan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini mendakwa Pairin pada 1993 telah menyalahgunakan kuasanya dengan meluluskan tanah itu secara percuma kepada sebuah syarikat Sarawak. Yong mengulangi dakwaan itu Ahad lepas di sebuah majlis anjuran Parti Demokratik Sabah (PDS), di sini.

Pairin berkata syarikat dari Sarawak itu merupakan antara syarikat balak yang telah menyatakan minatnya untuk melabur dalam program perhutanan semula yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan negeri.

"Syarikat ini telah mengemukakan rancangan pembangunannya bagi projek perhutanan semula dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan yang nasihatnya memberi keyakinan kepada saya untuk memberi kelulusan terakhir," kata beliau.

Pairin yang merupakan bekas Ketua Menteri Sabah berkata, pada masa itu terdapat prosidur tegas yang perlu dipatuhi membabitkan jabatan itu sebelum kelulusan terakhir diberikan.

Beliau berkata, sebagai agensi pelaksanaan, jabatan itu mencadangkan syarat-syarat pada perjanjian yang termasuk peruntukan bagi syarikat itu menyediakan jaminan bank sebelum cadangan itu boleh diterima.

Beliau berkata, projek perhutanan semula adalah baik bagi rakyat dan negeri itu oleh kerana kerajaan akan mendapat royalti daripada pembalakan dalam kawasan rizab itu nanti.

Mengenai dakwaan Yong yang Pairin meluluskan 157 hektar tanah premium dekat sini kepada sebuah syarikat yang didaftarkan di British Virgin Islands, Ketua Penerangan PBS Henrynus Amin dalam kenyataan yang sama berkata, tiada rahsia mengenai identiti pemaju itu.

" Kerajaan sekarang pun telah menjemput Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merasmikan majlis pecah tanah bagi projek itu pada 1994 dan jika Yong tidak puas hati beliau perlu menyatakan undang-undang berkaitan untuk membatalkan projek itu," kata beliau.

Henrynus juga mempertahankan tindakan Pairin meluluskan lesen mencarigali kepada sebuah syarikat Australia meliputi kawasan seluas 1,000 kilometer persegi di pantai timur Sabah.

"Tidak menjadi kesalahan bagi syarikat-syarikat asing menjalankan aktiviti mencarigali di Sabah. Kerajaan-kerajaan negeri sebelumnya juga telah mengeluarkan lesen mencarigali kepada syarikat-syarikat seperti Esso, Shell, Petronas, Mamut Copper Mining dan lain-lain lagi," kata beliau. --

BERNAMA

KG PR